



## **KENYATAAN MEDIA**

### **SAMBUTAN HARI INOVASI DAN KREATIVITI NUKLEAR MALAYSIA 2022**

---

**BANGI, 13 September 2022** – Agensi Nuklear Malaysia sekali lagi menganjurkan Program Hari Inovasi dan Kreativiti Nuklear Malaysia 2022 (HIKNM2022) dengan keunikan pada tahun ini yang dianjurkan dalam suasana Sambutan Ulang Tahun Nuklear Malaysia yang ke-50. Majlis Perasmian HIKNM2022 yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ir. Ts. Mohd Nor Azman bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Hari Inovasi & Kreativiti Nuklear Malaysia (HIKNM) merupakan inisiatif Nuklear Malaysia dalam memberi galakan dan pengiktirafan kepada pelaksanaan aktiviti R,D,C&I di Nuklear Malaysia, khususnya, serta lain-lain institusi berkaitan, amnya. Melalui program ini para penyelidik berpeluang untuk memperlihatkan dan berkongsi hasil inovasi dan kreativiti yang dilaksanakan kepada masyarakat awam, terutamanya golongan penyelidik, para pelajar serta pemain-pemain industri tempatan.

Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk mempertemukan warga penyelidik Nuklear Malaysia bersama pihak industri dan pelanggan, komuniti penyelidikan, golongan pelajar, serta masyarakat awam sebagai satu platform berkongsi dan memperlihatkan hasil dan penemuan R&D yang dilaksanakan.

HIKNM2022 ini juga turut diserikan lagi dengan beberapa program:

- i. Program Seminar Perlindungan Harta Intelekt yang bertajuk “Asas Carian IP (paten) – Kaedah Dan Teknologi Terkini” yang disampaikan oleh Encik Lok Choon Hong, Pengarah Syarikat Pintas Consulting Sdn. Bhd.;
- ii. Program *Virtual Forum: Advancing Nuclear Innovation For The Nation’s Prosperity*;
- iii. Program *Pocket Talk* dengan topik “*Nuclear Technology & Social Innovation Initiative*” dan “*Foresight & Innovation*”.

Sambutan Hari Inovasi ini diharap mampu memberi dorongan kepada warga Agensi Nuklear Malaysia agar tidak jemu untuk terus berinovasi dan mencari peluang-peluang idea baharu dalam membantu Malaysia menjadi sebuah negara berteknologi tinggi berlandaskan ekonomi yang diterajui inovasi menjelang 2030.

**#TAMAT#**

**Dikeluarkan Oleh:**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Pertanyaan lanjut:

Pn. Norliza Abdul Mihat (012-2351824)  
Ketua Unit Komunikasi Korporat  
[norliza\\_a@nuclearmalaysia.gov.my](mailto:norliza_a@nuclearmalaysia.gov.my)

## Input Tambahan:

### **1. Pertandingan Inovasi Penyelidikan**

Pertandingan ini terbuka kepada hasil inovasi R&D dari kalangan penyelidik Nuklear Malaysia serta institusi penyelidikan dan pengajian tinggi tempatan. Daripada puluhan permohonan penyertaan yang diterima, sebanyak 24 projek inovasi telah terpilih untuk dipertandingkan diperingkat akhir dan menyertai pameran HIKNM 2022 pada 13 & 14 September 2022 ini.

- Pemenang Pingat Emas 4 Projek Inovasi
- Pingat Perak 7 Projek Inovasi
- Pingat Gangsa 13 Projek Inovasi

### **2. Pertandingan Kreativiti Perkhidmatan**

Pertandingan Kreativiti Perkhidmatan memberi pengiktirafan kepada usaha dan kreativiti warga kerja Nuklear Malaysia dalam penghasilan idea baharu yang kreatif dan inovatif yang menyokong usaha peningkatan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan jabatan.

Sebanyak 10 usaha kreativiti telah terpilih untuk dipertandingkan dalam edisi kali ini.

- Pingat Emas 2 Projek Kreativiti
- Pingat Perak 3 Projek Kreativiti
- Pingat Gangsa 5 Projek Kreativiti